



A Cenviro Company 

## Penduduk tak perlu bimbang

**SEREMBAN** – Tiada pencemaran udara dilaporkan selepas empat gudang penyimpanan bahan buangan berjadual milik Kualiti Alam Sdn Bhd, Sendayan di sini terbakar Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sembilan, Norazam Khamis berkata, penduduk di kawasan sekitar tidak perlu bimbang kerana pengukuran kualiti udara Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan bacaan terkawal.

“Semuanya sudah pulih. Setakat ini tiada pencemaran berlaku serta tiada kandungan gas beracun seperti karbon monoksida atau ammonia dalam udara,” katanya.

Sementara itu wakil pengurusan Kualiti Alam ketika dihubungi berkata, perjumpaan dengan JKKK babitkan lima kampung berhampiran sudah diadakan semalam, yang turut disertai Exco Kemudahan Awam Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Abu Ubaidah Redza; wakil

JAS dan Bomba.

“Kita memberi taklimat berkenaan kejadian dan paling penting memberitahu mereka keadaan selamat dan tidak perlu rasa bimbang,” katanya.

Malah katanya, perjumpaan dengan kumpulan kecil penduduk turut diadakan bermula esok atas permintaan daripada sebahagian JKKK.

Kata wakil berkenaan, walaupun keadaan sudah terkawal, pemantauan di enam stesen berhampiran akan terus dibuat.

Media : Sinar Harian  
Date : 2 March 2015